

Pas bersedia maafkan Dr. Mahathir

KOTA KINABALU 4 Julai - Pas bersedia melupakan segala dendam politik terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad sekiranya bekas Perdana Menteri itu sanggup bekerjasama dengan parti tersebut.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, pendirian itu bagaimanapun terpulang kepada kesediaan Dr. Mahathir sendiri untuk mengakui kesalahan semasa memimpin UMNO dan menjadi Perdana Menteri.

Katanya, meskipun Dr. Mahathir adalah musuh utama politik Pas yang berkali-kali menjatuhkan parti itu, namun tindakan mengadakan hubungan baik perlu bagi 'memperbetulkan keadaan'.

"Dalam politik musuh boleh menjadi kawan dan kawan boleh menjadi musuh, itu adat politik dan perkara biasa," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan Pas yang dilihat cuba mengambil kesempatan di atas kritikan Dr. Mahathir terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.